

→ JENAMA

[FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH]



Idris bersama Fernandes, Aini (empat dari kiri) dan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi, Tan Sri Dr Noorul Ainur Mohd Nur (tiga dari kanan) pada majlis pelancaran pesawat 9MAQD di hangar Sepang Aircraft Engineering, semalam.

Pesawat AirAsia papar logo UPM

→ Pendekatan berani hasil kerjasama erat program CEO@Faculty

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

► **Sepang**

Universiti Putra Malaysia (UPM) tampil ke depan dalam penjenamaan dengan memaparkan logonya pada badan pesawat syarikat penerbangan tambang murah, AirAsia.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata pendekatan berani universiti itu hasil daripada kerjasama erat dengan AirAsia menerusi program CEO@Faculty.

Katanya, program berke-

naan dilaksanakan di UPM dengan pembabitkan Fernandes sebagai ketua pegawai eksekutif (CEO) yang berkongsi pengalaman dan kejayaannya dengan pelajar dan pensyarah UPM.

Sejak dilaksanakan dua tahun lalu, beliau berkata, CEO dari syarikat besar di Malaysia seperti Khazanah Nasional Berhad, Shell, Motorola, Microsoft dan CIMB memberikan ceramah di universiti awam dan membina jaringan dengan pensyarah.

Kehendak industri

“Program CEO@Faculty ini memastikan kurikulum di universiti sentiasa menepati kehendak industri.

“Papar nama serta logo UPM pada pesawat ini antara bukti kerjasama dan testimoni program berkenaan,” katanya semalam.

Beliau berucap melancarkan pesawat dengan nombor 9MAQD di hangar Sepang Aircraft Engine-

ering Sdn Bhd.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AirAsia, Tan Sri Tony Fernandes dan Naib Canselor UPM, Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris.

Sementara itu, Aini berkata, idea untuk memaparkan jenama UPM pada pesawat AirAsia itu teretus hasil perbincangan pengurusan UPM yang diketuai beliau dengan Fernandes pada Jun 2016.

“AirAsia menyediakan platform untuk UPM menghasilkan rekaan, kreativiti dan seni dalam projek berimpak tinggi dan selepas ini, UPM boleh menawarkan kepakaran dalam bidang rekaan kepada pesawat AirAsia,” katanya.

Pesawat dengan logo UPM itu membuat penerbangan sejak bulan lalu dalam negara dan rantau Asia. Selain nama dan logo rasmi, imej pokok Angsana juga dipaparkan pada pesawat yang menggambarkan kampus hijau UPM.